



12 November 2012
12 November 2012
P.U. (A) 371

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADА PETRONAS GAS BERHAD, CENTRALISED UTILITY FACILITIES (CUF), GEBENG, PAHANG) 2012

*FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION TO PETRONAS
GAS BERHAD, CENTRALISED UTILITY FACILITIES (CUF),
GEBENG, PAHANG) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADA PETRONAS GAS BERHAD, CENTRALISED UTILITY FACILITIES (CUF), GEBENG, PAHANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada Petronas Gas Berhad, Centralised Utility Facilities (CUF), Gebeng, Pahang) 2012.**

Pengecualian

2. Semua bejana tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama Petronas Gas Berhad, Centralised Utility Facilities (CUF), Gebeng, Pahang yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(b) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [P.U. (A) 43/1970] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua bejana tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah, dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.

JADUAL

(1)	(2)	(3)
<i>No. Pendaftaran</i>	<i>Perihalan Bejana Tekanan Tidak Berapi</i>	<i>Tarikh Habis Tempoh</i>
PMT 110731	Gelendong Pusuan Gas Asli	22 Julai 2012
PMT 110733	Pemanas Gas Asli	22 Julai 2012
PMT 110736	Pemisah Air	22 Julai 2012
PMT 110738	Penerima Udara Alatan Utama	22 Julai 2012
PMT 110740	Pendingin Peluwap	22 Julai 2012
PMT 110741	Pendingin Peluwap	22 Julai 2012
PMT 110746	Kepala Penyahudara	22 Julai 2012
PMT 129217	Prapemanas Air Bekalan	22 Julai 2012
PMT 129365	Penapis Kartrij Air Pot	22 Julai 2012
PMT 129371	Penapis Arus Sisi	22 Julai 2012
PMT 129382	Tangki Simpanan Penyahudara	22 Julai 2012
PMT 129398	Tangki Pengering Udara	22 Julai 2012
PMT 129399	Tangki Pengering Udara	22 Julai 2012
PMT 129754	Penerima Udara Skid Pembasuhan Dalam Talian	22 Julai 2012
PMT 110734	Pemanas Gas Asli	3 Ogos 2012
PMT 110735	Gelendong Pusuan Gas Asli	3 Ogos 2012
PMT 110737	Pemisah Air	3 Ogos 2012
PMT 110739	Penerima Udara Alatan Utama	3 Ogos 2012
PMT 110742	Pendingin Peluwap	3 Ogos 2012
PMT 110743	Pendingin Peluwap	3 Ogos 2012
PMT 110747	Kepala Penyahudara	3 Ogos 2012
PMT 129367	Penapis Kartrij Air Pot	3 Ogos 2012
PMT 129372	Penapis Arus Sisi	3 Ogos 2012
PMT 129383	Tangki Simpanan Penyahudara	3 Ogos 2012
PMT 129384	Prapemanas Air Bekalan	3 Ogos 2012